

CNS4265

U GB 27-04 00182 BA317

Aab

Mahathir - Kaifu

I

KUALA LUMPUR, 27 April (Bernama) -- Dengan kira-kira 50 peratus daripada perdagangannya adalah dengan negara-negara Amerika dan Eropah yang maju, adalah satu tindakan yang boleh memusnahkan diri jika Malaysia berhasrat berdagang hanya dengan negara-negara Asia Timur di bawah Kumpulan Ekonomi Asia Timurnya (EAEG) yang dicadangkannya, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini.

+Justeru itu, EAEG yang dicadangkan tidak bertujuan untuk menutup pasaran-pasaran Asia Timur kepada Eropah atau Amerika,+ katanya ketika berucap pada jamuan malam meraikan Perdana Menteri Jepun, Encik Toshiaki Kaifu, di sini.

Encik Kaifu dan isterinya tiba di sini hari ini untuk lawatan tiga hari. Malaysia merupakan negara pertama yang dilawatinya dalam rangka lawatan 10 hari ke lima buah negara Asean termasuk Brunei Darussalam, Filipina, Singapura dan Thailand.

Datuk Seri Dr Mahathir menegaskan bahawa tujuan EAEG ialah bagi negara-negara Asia Timur menyuarakan pandangan secara kolektif menyokong kedatangan pergadangan bebas di semua forum berhubung dengan masa depan sistem perdagangan dunia.

+Penubuhan satu masyarakat ekonomi Asia Timur adalah jauh daripada pemikiran kita,+ katanya. -- Lagi.

▼27/04/22-26MST

CNS4271

R GB 27-04 00227 BA318

Aab

Mahathir - Kaifu 2 Kuala Lumpur

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, beliau terkejut apabila diberitahu bahawa negara-negara di rantau Asia Timur tidak seharusnya mengadakan satu forum di kalangan mereka atau mengenal diri mereka sebagai orang Asia Timur.

+Kami diberitahu bahawa oleh kerana Asia Timur terletak di pinggir Pasifik, maka kami dikehendaki setiap masa bertindak sebagai anggota pinggir Pasifik.

+Sementara negara-negara di pantai timur Pasifik boleh menubuhkan kumpulan-kumpulan eksklusif, negara-negara di sebelah pantai barat Pasifik tidak boleh menubuhkan walaupun satu forum.

+Alasan seperti ini tidak boleh diterima akal,+ katanya.

Beliau juga berkata bahawa sesetengah pihak tidak faham mengenai objektif EAEG dan mereka terpaksa menjelaskan konsep itu walaupun orang lain tidak menawarkan sebarang penjelasan mereka.

+Tetapi tentulah jelas bahawa tidak mungkin EAEG menjadi seperti Kesatuan Eropah (EC) atau Kawasan Perdagangan Bebas Amerika Syarikat-Kanada.

+Kami tidak dihubungi apabila pihak lain mendirikan sekatan-sekatan terhadap kami. Tidakkah kami boleh dibenarkan sekurang-kurangnya menubuhkan kumpulan yang membolehkan kami membincangkan bagaimana untuk mengekalkan perdagangan bebas dan saling bantu-membantu antara satu sama lain untuk menjadi lebih maju dalam bidang ekonomi? Adakah salah berhasrat untuk menjadi maju?

+Jika perkembangan Asean telah menjadikannya sebagai pasaran yang kaya bagi negara-negara maju, apakah tidak sebuah kumpulan Asia Timur yang kaya juga akan menjadi sebuah pasaran yang lebih baik bagi Eropah dan Amerika?+ tanya beliau. -- Lagi.

▼27/04/22-43MST

CNS4287

R GB 27-04 00191 BA319

Aab

Mahathir - Kaifu 3 Kuala Lumpur

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, beliau tidak faham dengan kelantangan pihak-pihak yang mengutuk EAEG. +Pada kami hanya mereka yang tidak menyokong perdagangan bebas sahaja yang akan menentang sebuah kumpulan yang bertujuan menjamin perdagangan bebas.+

Sebelum itu, bagi menekankan kebimbangannya terhadap perdagangan bebas dunia, beliau berkata bahawa sistem perdagangan bebas yang diwujudkan selepas perang dunia yang lalu tidak dapat dinafikan telah bertindak sebagai pemulih terhadap ekonomi-ekonomi yang musnah, sama ada negara yang menang atau yang kalah dan Jepun merupakan contoh baik kejayaan ekonomi hasil daripada perdagangan bebas.

+Jelaslah jika dasar perlindungan berjaya, pertumbuhan ekonomi dunia akan terjejas dan tidak ada negara baru yang akan mencapai economic take off.+

Perdana Menteri menghujah bahawa apabila negara-negara miskin menjadi makmur menerusi perdagangan bebas dan pelaburan asing (modal dan teknologi), mereka juga menjadi pasaran lebih baik bagi barangan keluaran negara-negara kaya.

+Jelaslah bahawa membantu pihak lain menjadi kaya memberi hasil yang lumayan. Dunia yang dipenuhi negara-negara kaya tidak merugikan sesiapa.

+Namun masih wujud sikap membiarkan jiran menjadi miskin di kalangan sesetengah negara kaya dan kuat,+ katanya. -- Lagi.

♥27/04/23-06MST

R GB 27-04 00203 BA320

Aab

Mahathir - Kaifu 4 Kuala Lumpur

Datuk Seri Dr Mahathir juga berkata bahawa perdagangan dan dasar-dasar yang menyekat, sama ada secara sengaja atau tidak menyekat pertumbuhan negara-negara miskin, masih digemari oleh banyak negara kaya.

Sebagai sebuah negara membangun, Malaysia amat sedar akibat kesan buruk dasar-dasar perlindungan, yang bukan sahaja menyebabkan kesulitan ekonomi tetapi juga menyebabkan ketidakstabilan sosial dan politik.

Ketika merujuk kepada Asean, yang ditegaskannya sebagai bukan sebuah blok perdagangan, beliau berkata negara-negara Asean tidak menggalakkan perdagangan eksklusif sesama sendiri.

+Jelaslah Asean tidak mengancam sesiapa. Sebaliknya, kemakmuran negara-negara Asean yang nyata ini telah menyumbang kepada kemakmuran mereka yang telahpun makmur dengan Asean menjadi sebuah pasaran yang kaya.+

Perdana Menteri juga berkata bahawa dengan pengalaman Asean dan kesedaran bahawa perdagangan bebas merupakan jentera pertumbuhan, adalah tidak munasabah bagi mana-mana negara anggota Asean, terutama Malaysia, untuk mengutarakan kumpulan serantau yang eksklusif dan mengabaikan perdagangan bebas (dengan mencadangkan EAEG).

Ketika menyentuh mengenai dasar tegas pemimpin Jepun sebelum Encik Kaifu untuk mengukuhkan hubungan baik antara negara ini dan Jepun, Datuk Seri Dr Mahathir berkata beliau puas hati berdasarkan perbincangan mereka awal hari ini beliau mendapati Encik Kaifu masih terus komited terhadap +Doktrin Fukuda.+ -- Lagi.

♥27/04/23-34MST

R GB 27-04 00182 BA321

Aab

Mahathir - Kaifu 5 Kuala Lumpur

Doktrin Fukuda, yang dinyatakan oleh Perdana Menteri Takeo Fukuda selepas menamatkan lawatan ke negara-negara Asean pada 1977, menyeru diwujudkan satu hubungan yang lebih akrab antara Jepun dan Asean berlandaskan keyakinan, kepercayaan bersama dan persefahaman secara +hati ke hati+; menolak kemungkinan Jepun menjadi suatu kuasa tentera, dan berikrar untuk berkerjasama secara positif dengan Asean dalam usaha mengukuhkan perpaduan dan ketahanan mereka bersama-sama negara-negara di luar rantau ini yang sehaluan fikiran.

Encik Kaifu, dalam ucapan balasnya berkata persahabatan antara Malaysia dan Jepun kini memasuki fasa baru.

+Ia dikembangkan melebihi batas bidang ekonomi bagi merangkumi hubungan antara manusia dan kebudayaan dua hala,+ katanya, ketika menyentuh mengenai pertumbuhan dagangan dua hala dan Dasar Pandang ke Timur, yang antara lain memulakan era baru dalam hubungan Malaysia-Jepun.

Katanya, berdasarkan kepada perbincangan hari ini, beliau merasakan ia merupakan satu permulaan gemilang terhadap lawatannya ke negara-negara Asean.

+Saya benar-benar berterima kasih kerana berpeluang mendengar penjelasan secara terus mengenai ide Kumpulan Ekonomi Asia Timur, yang dicadangkan oleh Datuk Seri Dr Mahathir, katanya. -- Lagi.

♥27/04/23-53MST

28-04 00117 BA322

athir - Kaifu 6 Kuala Lumpur

ik Kaifu juga mengingat kembali bahawa beliau pernah melawat sia kira-kira 20 tahun lepas bagi menggalakkan kumpulan pertama elawan Kerjasama Luar Negeri Jepun (JOCV).

gitu banyak kemajuan yang telah dicapai sepanjang 20 tahun,+
a.

impin Jepun itu juga memuji Datuk Seri Dr Mahathir dengan berkata a beliau telah memberi sumbangan besar terhadap pembangunan Malaysia ang sebahagian daripada tempoh 20 tahun itu.

impinan anda jelas dalam usaha begitu luas bagi mewujudkan keamanan emakmuran di dunia,+ katanya sebagai menyentuh mengenai usaha Malaysia

li tuan rumah sidang Komanwel dan pelancaran G-15 selain daripada n negara ini dalam Majlis Keselamatan Bangsa-bangsa Bersatu. --

a.

1/00-03MST